

# Dong Jiao Zhong diminta buktikan keikhlasan

BH - 8 NOV 2000

KUALA LUMPUR, Selasa - Dong Jiao Zhong perlu membuktikan keikhlasan mereka untuk membantu meningkatkan perpaduan kaum di negara ini dengan menerima pelaksanaan Sekolah Wawasan.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Mohd Taib, berkata bantahan pertubuhan itu jelas mencerminkan mereka tidak ikhlas untuk memupuk perpaduan dan pembentukan negara di kalangan generasi muda, khususnya di peringkat sekolah.

"Saya tidak faham mengapa mereka menentang pembentukan Sekolah Wawasan sedangkan melalui konsep itu pembentukan negara dapat dilaksanakan dengan berkesan.

"Pemikiran perokial yang ekstrim dengan mementingkan kepentingan sesuatu bangsa perlu dielak dan dijauhkan demi perpaduan rakyat pada masa depan. Tindakan persatuan itu tidak mencerminkan aspirasi majoriti rakyat negara ini," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri,

Datuk Seri Dr Mahathir, semalam yang kecewa dengan bantahan Dong Jiao Zhong terhadap konsep Sekolah Wawasan kerana generasi muda pelbagai kaum di negara ini perlu didedahkan kepada semangat perkongsian bagi menyuburkan kehidupan yang harmoni.

Muhammad berkata, bantahan terhadap pelaksanaan Sekolah Wawasan boleh dilihat sebagai tindakan yang mementingkan diri sendiri serta menolak penyatuan dan perkongsian pendidikan oleh semua lapisan pelajar.

"Mereka terlalu mementingkan diri dan saya harap kerajaan tidak tunduk dengan tekanan sebegini. Saya rasa kerajaan yang dipilih majoriti rakyat akan dapat menyesuaikan beberapa perkara dalam sistem pendidikan sedia ada," katanya.

Sementara itu, dalam kenyataan hari ini, Dong Jiao Zhong berkata, mereka tidak bersetuju dengan pelaksanaan Sekolah Wawasan kerana mendakwa pelaksanaannya dibuat secara tergesa-gesa, lebih

rumit dan luas dimensinya.

Dong Jiao Zhong sebaliknya menyokong Rancangan Integrasi Murid-Murid Untuk Perpaduan yang dipersetujui Kementerian Pendidikan dan pertubuhan itu pada 1986.

"Rancangan ini yang merangkumi pelbagai jenis aktiviti harus dilaksanakan dengan ikhlas, bukannya secara tergesa-gesa kerana ia membabitkan penggabungan sekolah daripada tiga aliran yang berlainan," kata kenyataan itu.

Dalam kenyataan itu juga, Dong Jiao Zhong menyatakan pendiriannya mempertahankan pendidikan bahasa ibunda di bawah sistem pendidikan kebangsaan supaya identiti sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) tidak terjejas.

Sementara itu, aktivis masyarakat, Datuk Lee Lam Thye yakin penubuhan Sekolah Wawasan boleh membantu mengatasi masalah polarisasi kaum di kalangan murid kerana mereka berpeluang berinteraksi antara satu sama lain menepati perkongsian kemudahan sekolah.

Selain itu, katanya, da-

lam jangka panjang, konsep itu dapat membantu semua kaum di negara ini saling memahami antara satu sama lain.

Malah, beliau yakin isu sekolah Cina akan kehilangan identiti tidak timbul kerana Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, sendiri sudah memberi jaminan perkara demikian tidak akan berlaku.

"Konsep Sekolah Wawasan ini adalah baik dan kerana itu ia perlu diberi peluang untuk dilaksanakan.

"Penjelasan lanjut mengenai konsep sekolah ini perlu diberikan kepada pihak yang terbabit. Pemimpin parti politik seperti MCA dan Gerakan patut membantu kerajaan untuk memberi penjelasan mengenai isu ini," katanya.

Pensyarah Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Oong Hak Ching pula berkata, penentangan Dong Jiao Zhong terhadap Sekolah Wawasan mungkin berpunca daripada kebimbangan pemimpin persatuan itu terhadap masa depan ba-

hasa ibunda mereka.

Katanya, masyarakat Cina cenderung untuk memencilkan anak-anak mereka daripada bergaul dengan kanak-kanak bangsa lain ketika masih kecil supaya mudah mempelajari bahasa ibunda mereka.

"Mereka bimbang jika anak mereka bergaul dengan kanak-kanak lain ketika kecil, mereka akan terpengaruh dengan bahasa lain.

"Jika ketika kecil mereka sudah biasa berbahasa Melayu, kanak-kanak ini tidak lagi mempunyai kecenderungan untuk berbahasa Cina. Lama-kelamaan bahasa itu akan pupus. Inilah yang menimbulkan kebimbangan mereka," katanya.